

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 March 2016

Penghuni Asrama Darul Falah terharu terima kunjungan PM

Um - 12/3/2016

KUALA LUMPUR 11 Mac -Tiada kata-kata yang mampu diluahkan oleh anak-anak Orang Asli di Asrama Darul Falah di Bukit Persekutuan di sini apabila menerima kunjungan mengejut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam.

Kesemua 42 anak Orang Asli dari Perak dan Pahang itu tergamam, malah bertanya sesama sendiri seolah-olah tidak percaya pemimpin nombor satu negara sudi meluangkan masa mengunjungi mereka di situ.

Menurut Pengetua Asrama Darul Falah, Zulyadain Mohd. Radzi, beliau dan 19 guru serta kakitangan asrama itu amat terkejut dengan kunjungan Perdana Menteri ke rumah perlindungan tersebut.

"Seperti tidak percaya, dalam banyak-banyak rumah kebajikan dan perlindungan di Kuala Lumpur, Perdana Menteri memilih Asrama Darul Falah untuk dikunjungi.

"Lebih memeranjatkan apabila saya hanya dimaklumkan oleh su-

karelawan 1Malaysia For Youth (IM4U) kira-kira pukul 4 petang iaitu sejam sebelum Perdana Menteri tiba di sini.

"Sudah tentu saya bertanya berkali-kali, betul atau tidak sebab tiada mana-mana 'orang besar' pernah melawat kami di sini, tiba-tiba Perdana Menteri yang sanggup datang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Zulyadain, Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira sejam di asrama tersebut dan beliau meninjau seluruh kawasan termasuk surau, asrama, tempat letak kenderaan serta ruang makan.

Katanya, Najib turut menyuarakan keperihatinan beliau yang asrama itu berada dalam keadaan yang kurang memuaskan untuk para penghuni khususnya anak-anak Orang Asli membesar.

"Kami berbesar hati dan terharu apabila Perdana Menteri sudi menghulurkan beberapa kelengkapan asas seperti katil, tilam, bantal dan

tangki air yang besar untuk kegunaan para penghuni.

"Perdana Menteri turut memberitahu pihak IM4U akan mengadakan kelas tambahan bahasa Inggeris, teknologi maklumat dan program kemahiran vokasional untuk anak-anak di asrama ini.

"Saya amat bersyukur kerana nasib kami mendapat perhatian Perdana Menteri, malah beliau turut memberitahu dalam tempoh dua bulan akan mengunjungi kami sekali lagi di sini," katanya.

Asrama Darul Falah ditubuhkan pada 19 Ogos 1995 menempatkan 42 orang anak Orang Asli dari Perak dan Pahang yang terdiri daripada anak yatim, miskin dan saudara baharu.

Daripada jumlah berkenaan, seorang yang berusia 12 tahun bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Brikfields 2 manakala selebihnya berusia 13 hingga 17 tahun bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar serta SMK (Perempuan) Methodist.